

8/8/19
MS 67

Gempar beruang matahari berkeliaran

Kota Bharu: Seekor beruang matahari didakwa berkeliaran di kawasan kebun di Kampung Reka dan Kampung Timur dekat Kuala Balah, Jeli, sejak minggu lalu.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif, berkata pihaknya menerima aduan penduduk kampung berhubung perkara itu pada 31 Julai lalu.

Beliau berkata, penduduk bimbang apabila mendakwa haiwan itu berkeliaran di kawasan kebun, sekali gus menimbulkan ketakutan dan mengancam keselamatan mereka.

"Susulan itu, empat anggota Pejabat PERHILITAN Daerah Jeli ke lokasi aduan penduduk berkenaan untuk melakukan pemeriksaan.

"Anggota turut memasang satu unit perangkap dengan menggunakan umpan cempedak masak," katanya ketika dihubungi.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan haiwan berkenaan keluar dari hutan untuk mendapatkan makanan di kebun penduduk memandangkan sekarang musim buah.

"Pemantauan berterusan oleh anggota PERHILITAN Daerah Jeli sedang dilakukan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan peneroka di Rancangan Tanah FELDA Perasu, Gua Musang, turut berdepan masalah sama apabila seekor beruang matahari didakwa merayau di kawasan penempatan mereka sejak minggu lalu.

Susulan itu, penduduk dikatakan terpaksa membawa parang ketika memasuki ladang sawit bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.